

14 DEC 1998

MUSTAPA-PEMAJU/I

LAPORKAN AMALAN PEMAJU YANG TIDAK BERETIKA

KUALA LUMPUR, 14 Dis (Bernama) -- Sebarang amalan pemaaju yang tidak beretika dalam Kempen Pemilikan Rumah harus dilaporkan, kata Menteri Kewangan Kedua Datuk Mustapa Mohamed, hari ini.

"Beritahu kami dan kami akan menyasiat," katanya selepas upacara pecah tanah Menara Great Eastern Life, di sini.

Kerajaan, katanya, telah difahamkan bahawa harga tidak akan dinaikkan. Jadi Bank Negara dan pihak berkuasa yang berkenaan akan mengambil tindakan terhadap sebarang pemaaju yang terlibat dalam amalan-amalan tidak beretika.

Bank Negara adalah pengawas Kempen Pemilikan Rumah yang merupakan usaha bersama Persatuan Pemaaju Perumahan, Persatuan Bank-Bank Malaysia dan Persatuan Syarikat-Syarikat Kewangan Malaysia.

Kempen yang dilancarkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad Sabtu lepas, akan berjalan hingga 12 Jan 1999.

Mustapa berkata pemaaju yang terlibat dalam kempen ini telah berjanji akan mengadakan pameran minggu ini yang akan dijadikan pusat serenti untuk membantu orang ramai memberi rumah.

Pameran ini boleh membantu mengelakkan amalan tidak beretika dengan memberikan pulang kepada pembeli rumah membandingkan harga, lokasi dan kemudahan yang ditawarkan pemaaju.

Ia juga memudahkan pembeli memohon mendapatkan pinjaman daripada bank, syarikat kewangan dan bahagian pinjaman perumahan kerajaan dan juga untuk mengeluarkan wang Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP).

Mengenai diskaun semasa tempoh kempen ini, Mustapa berkata Persatuan Pemaaju Perumahan telah bersetuju untuk menawarkan diskaun tambahan 10 peratus bagi harga rumah yang telahpun dikurangkan akibat pasaran yang lembab.

Selain dari diskaun, pinjaman dengan faedah yang rendah juga ditawarkan kepada pembeli.

Insentif lain termasuk membenarkan kakitangan kerajaan yang berkhidmat setahun boleh mendapatkan pinjaman perumahan kerajaan dan pembiayaan 50 peratus kepada orang asing bagi rumah yang berharga melebihi RM250,000. --
BERNAMA

AD/SHO JR OS